

Undang-Undang Pentadbiran Mahkamah Syariah Di Malaysia: Perkembangan Mutakhir

Suwaid b. Tapah*

Mukadimah

Pentadbiran Mahkamah Syariah sering menjadi kritikan masyarakat Islam di negara ini. Kritikan dibuat meliputi ketidakcekapan pentadbiran, undang-undang pentadbiran Mahkamah dianggap lapuk dan tidak seragam antara sebuah negeri dengan negeri yang lain, hakim tidak profesional dan lain-lain lagi. Persoalan ini telah mendapat reaksi daripada para sarjana undang-undang Islam dan pihak kerajaan sendiri. Perbincangan sering diadakan untuk melihat dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi.

Hasilnya, kebanyakan negeri di negara ini telah mengambil tindakan susulan sama ada dengan membuat beberapa pindaan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak atau menggubal undang-undang baru yang diubah suai dan diasingkan daripada enakmen ibu. Perubahan demikian akan mempengaruhi corak pentadbiran Mahkamah-mahkamah Syariah di negara ini.

Satu perkembangan mutakhir yang dianggap membanggakan umat Islam ialah apabila sesetengah negeri telah memisahkan pentadbiran Mahkamah Syariah daripada

**Pensyarah Fakulti Syariah Universiti Malaya. Calon Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.*

pentadbiran Majlis Agama Islam/Jabatan Agama Islam Negeri. Pembaharuan ini dianggap dapat memperbaiki kedudukan Mahkamah Syariah daripada dianggap terlalu daif dan tidak berkembang.

Artikel ini cuba menjelaskan perkembangan mutakhir undang-undang pentadbiran Mahkamah Syariah di negeri-negeri yang memberi tindak balas sejajar dengan perkembangan semasa.

Kedudukan Mahkamah Syariah

Semua negeri di Malaysia menubuhkan Mahkamah-mahkamah Syariah.¹ Umumnya ia meliputi Mahkamah Rendah Syariah,

Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah melalui pemberitahuan dalam warta.² Beberapa istilah yang berkaitan dengan nama Mahkamah telah dipinda melalui beberapa enakmen yang baru digubal. Misalnya di Negeri Sembilan,³ Selangor,⁴ Sarawak,⁵ dan Melaka,⁶ istilah "Hakim Syari'e" menggantikan istilah "Kadi", "Mahkamah Rendah" menggantikan "Mahkamah Kadi", "Mahkamah Tinggi" menggantikan Mahkamah Kadi Besar, dan "Mahkamah Rayuan Syariah" menggantikan Jawatankuasa Ulangbicara. Istilah-istilah tersebut diketengahkan dalam undang-undang negeri sebagai usaha bersungguh-sungguh pihak berkuasa menaikkan imej Mahkamah Syariah.

Mahkamah Syariah mula dianggap sebagai Mahkamah yang menyaingi kedudukan Mahkamah Sivil (khususnya Mahkamah Tinggi/Rendah) apabila pindaan peruntukan yang berkaitan dengannya dibuat oleh Perlembagaan Persekutuan. Pindaan 121 (A) Perlembagaan Persekutuan, telah memberi kedudukan istimewa kepada Mahkamah Syariah apabila Mahkamah-mahkamah Tinggi tidak lagi mempunyai bidang kuasa berkenaan sebarang perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, peruntukan pindaan itu tidak menyebut Mahkamah Agung. Prof. Ahmad Ibrahim begitu optimis dengan perkembangan ini apabila beliau berpendapat bahawa ia dapat mengelakkan konflik-konflik antara keputusan-keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah sivil.⁷ Beliau juga seolah-olah menganggap perkembangan ini sebagai satu permulaan dan bukan kesudahan kerana banyak lagi perkara yang harus dibuat. Hal ini adalah bagi meninggikan pentadbiran undang-undang Islam di negara ini di samping membolehkan Mahkamah Syariah menjalankan tugasnya dengan baik tanpa campurtangan Mahkamah Sivil.

Pada hakikatnya, kedudukan ini telah memberi ruang kepada Mahkamah Syariah untuk memanfaatkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada sehingga ia tidak dinilai terlalu ketinggalan dalam semua aspek.

Perlantikan Hakim

Perlantikan Hakim dibuat melalui kuasa Sultan (bagi negeri-negeri yang beraja) atau Yang Di-Pertuan Agung/Yang Di-Pertua Negeri (bagi negeri-negeri yang tidak beraja) melalui pemberitahuan di dalam Warta. Di Negeri Sembilan, Sarawak,

Selangor dan Melaka,⁸ jawatan-jawatan yang diperuntukkan ialah Ketua Hakim Syari'e, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Sultan, atas nasihat Majlis boleh melantik Ketua Hakim Syari'e, Hakim-hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi melalui pemberitahuan di dalam Warta.

Di Sarawak, Negeri Sembilan dan Selangor,⁹ seorang Hakim yang dilantik hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur 65 tahun atau umur tertentu sebagaimana yang diluluskan Sultan. Walau bagaimanapun seorang Hakim boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa. Hakim juga boleh dipecat daripada jawatannya atas syor sebuah tribunal dengan alasan bahawa kelakuannya tidak baik atau dia tidak berkeupayaan oleh kerana kelemahan tubuh atau otak atau sebarang sebab lain, untuk menyempurnakan tugas dengan sepatutnya.¹⁰

Tribunal yang ditubuhkan hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 5 orang beragama Islam yang memegang atau pernah menjawat jawatan Hakim atau Hakim Mahkamah Sivil. Ia hendaklah diketuai oleh Ketua Hakim Syari'e, Hakim Mahkamah Rayuan dan ahli-ahli lain mengikut senioriti perlantikan mereka.

Di negeri Melaka,¹¹ Yang Di-Pertuan Agung boleh memecat seseorang Hakim, dengan terlebih dahulu merujuk kepada sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada Penasihat Undang-undang Negeri (sebagai Ketua), Timbalan Pengerusi Majlis, Mufti dan Setiausaha Majlis.

Penggantungan Hakim daripada menjalankan tugasnya boleh dibuat oleh Sultan (bagi negeri-negeri yang beraja) atau Yang Di Pertuan Agung (bagi negeri-negeri tidak beraja kecuali Sabah dan Sarawak oleh Yang Di-Pertua Negeri)¹² atas syor Ketua Hakim Syari'e atau Jawatankuasa yang ditubuhkan.

Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Bidang kuasa Mahkamah Syariah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual Kesembilan, Senarai 2 - Senarai Negeri. Tidak terdapat perubahan besar dalam enakmen negeri-negeri berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah ini kerana ia tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa Mahkamah ini dapat dikelaskan kepada dua bidang.

a. Jenayah

Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah ialah membicarakan semua kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam yang tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak¹³ atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah membicarakan sebarang kesalahan. Mahkamah boleh mengenakan sebarang hukuman yang diperuntukkan di dalamnya. Manakala Mahkamah Rendah Syariah pula mempunyai bidang kuasa membicarakan sebarang kesalahan yang hukuman maksimumnya tidak melebihi tiga ribu ringgit,¹⁴ atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun

atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah-mahkamah Syariah juga, dalam bidang kuasa jenayahnya tertakluk kepada peruntukan Akta Mahkamah Syariah yang dibuat oleh Parlimen. Dengan tertakluk kepada akta tersebut, Mahkamah Syariah hanya mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebat tidak melebihi enam kali atau sebarang gabungan hukuman-hukuman tersebut.¹⁵

Walau bagaimanapun, peruntukan hukuman tersebut hanya boleh dikuatkuasakan di negeri-negeri jika kerajaan-kerajaan negeri telah meminda hukuman-hukuman dalam enakmen masing-masing selaras dengan peruntukan akta tersebut. Sebagai contoh, di Sarawak¹⁶ dan Kedah,¹⁷ hukuman bagi seseorang yang melakukan persetubuhan haram (zina) boleh dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Di Kelantan,¹⁸ hukuman kesalahan zina yang tidak boleh dikenakan had mengikut Hukum Syarak boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya dan disebat enam kali.

b. Mal (Sivil)

Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam meliputi perkara-perkara yang diperuntukkan dengan jelas di dalam enakmen, seperti perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian, wasiat, hibah, wakaf/nazar. Manakala bidang kuasa Mahkamah Rendah pula ialah mendengar, dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana jumlah atau nilai hal yang dipertikaikan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit¹⁹ atau yang tidak dapat dianggarkan dengan wang.

Mahkamah Rendah Syariah juga telah diberi kuasa untuk memperluaskan bidang kuasa mal (sivil) dari semasa ke semasa melalui kuasa yang diberi kepada Ketua Agama Islam negeri masing-masing atas syor Ketua Hakim Syari'e. Peruntukan-peruntukan tambahan tentang bidang kuasa tersebut hendaklah diwartakan terlebih dahulu sebelum ia dikuatkuasakan.²⁰

Pada masa ini, Mahkamah Syariah hanya diberi kuasa menentukan orang-orang yang berhak dalam bahagian harta pesaka berasaskan permintaan sesuatu mahkamah (selain Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah) atau pihak berkuasa.²¹ Mahkamah Syariah tidak diberi bidang kuasa untuk membicarakan sebarang tuntutan berhubung dengan harta itu.

Rayuan

Satu rayuan daripada keputusan Mahkamah Rendah hendaklah ditujukan kepada Mahkamah Tinggi Syariah sama ada dalam perkara sivil atau jenayah.

Mahkamah Tinggi dalam perkara jenayah boleh menolak rayuan, mensabit, menambah atau meminda bentuk hukuman, memerintahkan perbicaraan semula atau membatalkan sebarang perintah mahkamah yang membicarakan kes itu. Manakala bidang kuasa mal (sivil) Mahkamah Tinggi pula ialah mengesah, membatalkan atau mengubah keputusan, menjalankan mana-mana kuasa atau membuat perintah sebagaimana mahkamah yang membicarakannya sepatutnya membuatnya, atau memerintahkan perbicaraan semula.²²

Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah ialah mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan yang dibuat Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan tugasnya daripada bidang kuasa asalnya.²³

Semua rayuan dari Mahkamah Syariah masih lagi diputuskan oleh Mahkamah Rayuan di tiap-tiap negeri masing-masing. Adalah lebih munasabah jika diwujudkan Mahkamah Agung Syariah yang boleh mendengar rayuan dari tiap-tiap negeri. Dengan cara ini keputusan Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh Malaysia akan dapat diseragamkan. Kedudukan Yang Di-Pertuan Agung atau Raja-raja sebagai Ketua Agama Islam seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang²⁴ tidak akan terjejas apabila suatu peruntukan dibuat yang membolehkan rayuan itu dimajukan kepada Yang Di-Pertuan Agung atau Raja. Seterusnya rayuan itu dirujuk kepada Mahkamah Agung Syariah. Mahkamah Agung Syariah bertindak sebagai memberi nasihat kepada Yang Di Pertuan Agung atau Raja berkenaan.

Pendaftar Mahkamah Syariah

Di sesetengah negeri, usaha telah dibuat untuk mewujudkan jawatan-jawatan yang penting bagi melicinkan perjalanan dan pentadbiran Mahkamah Syariah. Jawatan Pendaftar Mahkamah Syariah merupakan jawatan penting dalam mengendalikan fungsi-fungsi pentadbiran Mahkamah Syariah. Sebelum ini fungsi Kadi (Hakim) adalah terlalu berat apabila mereka juga berfungsi sebagai pendaftar dan sekaligus menjadi Hakim.

Di negeri Kelantan,²⁵ undang-undang dibuat bagi mengadakan jawatan-jawatan Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Kadi Besar, Pendaftar Mahkamah Kadi Khas dan Pendaftar-pendaftar Mahkamah Kadi Jajahan.

Sementara negeri Terengganu,²⁶ memperuntukkan jawatan-jawatan seorang Pendaftar Mahkamah-mahkamah Syariah, Penolong Pendaftar Mahkamah Apil Syariah, Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

Di negeri-negeri Selangor,²⁷ Sarawak,²⁸ Negeri Sembilan,²⁹ dan Melaka³⁰ jawatan-jawatan yang diperuntukkan ialah Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah.

Di Kedah,³¹ Sultan, setelah menimbang nasihat Majlis melantik orang yang layak sebagai Pendaftar Mahkamah dan beberapa orang lain sebagai Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah.

Pendakwa Syari'e Dan Pegawai Penguatkuasa

Sultan (bagi negeri-negeri beraja) dan Yang Di-Pertuan Agung/Yang Di-Pertua Negeri (bagi negeri-negeri yang tidak beraja) atas nasihat Majlis mempunyai kuasa untuk melantik Ketua Pendakwa Syari'e yang dinilai mempunyai kelayakan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Ketua Pendakwa Syari'e boleh menjalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan dan menjalankan sebarang prosiding bagi sesuatu kesalahan di Mahkamah Syariah. Di negeri Sarawak³² dan Selangor,³³ Ketua Pendakwa juga diberi kuasa melantik mereka yang mempunyai kelayakan di kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah menjadi Pendakwa-pendakwa Syari'e. Di Negeri Sembilan,³⁴ kuasa untuk melantik Timbalan Pendakwa Syari'e diberikan kepada Majlis. Di Melaka,³⁵ Yang Di Pertuan Agung mempunyai kuasa melantik Pendakwa Syari'e dan beberapa orang Timbalan Pendakwa Syari'e. Pendakwa-pendakwa Syari'e hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syari'e. Pendakwaan boleh juga dijalankan oleh sesiapa yang dilantik oleh Majlis Agama ataupun pengadu atau wakilnya.

Di Sarawak,³⁶ Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Agama adalah dilantik oleh Pengarah Jabatan Agama Islam. Di Kelantan,³⁷ jawatan ini dikenali sebagai Penyelia Agama. Jawatan ini dilantik Sultan selepas berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri atau Jemaah Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam. Sementara di Negeri Sembilan,³⁸ dan Selangor³⁹ perlantikan Pegawai Penguatkuasa Agama dan Penolong Pegawai Penguatkuasa Agama dilantik oleh Majlis Agama. Fungsi Pegawai Penguatkuasa ialah menjalankan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana enakmen atau ordinan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan berhubung dengan Hukum Syarak.

Peguam Syari'e

Adalah menjadi amalan biasa di Mahkamah, orang yang menuntut dan orang yang kena tuntutan lazimnya diwakili oleh peguam masing-masing. Ini kerana tidak semua mereka yang membuat tuntutan atau yang menuntut di Mahkamah mampu untuk hadir sendiri di hadapan Hakim tanpa kehadiran peguambela atau peguamcara, malahan tidak semua orang memahami acara-acara atau prosiding perbicaraan di Mahkamah. Hakikatnya, amalan seumpama ini adalah untuk menegakkan kebenaran dan memudahkan para Hakim untuk membuat keputusan atau menjatuhkan sesuatu hukuman.

Keperluan amalan perguaman di Mahkamah Syariah telah diperuntukkan di dalam enakmen di sesetengah negeri. Di negeri Selangor⁴⁰ dan di Negeri Sembilan⁴¹ dan Pahang,⁴² Majlis boleh membenarkan mana-mana pegawai undang-undang yang memegang sijil yang sah dikeluarkan di bawah Akta Profesion Undang-undang,⁴³ atau mana-mana orang yang berkelayakan menjadi Peguam Syari'e hadir atau mewakili mana-mana pihak dalam Mahkamah Syariah. Peraturan-peraturan kelayakan untuk

menjadi pengamal Peguam Syari'e dibuat Yang Di-Pertuan Besar bagi Negeri Sembilan dan Majlis Agama bagi negeri Selangor dan Pahang. Mereka yang layak menjadi Peguam Syari'e hendaklah memegang Sijil Peguam Syari'e yang ditandatangani oleh Majlis Agama dan Pengerusi. Sungguhpun sijil itu hanya kekal sah bagi tempoh satu tahun dari tarikh pengeluarannya tetapi Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkannya. Di Negeri Sembilan, kelonggaran untuk menjadi pengamal Peguam Syari'e juga diperuntukkan apabila Majlis dalam keadaan-keadaan tertentu boleh mengecualikan mana-mana orang yang memegang kelayakan Ijazah Undang-undang daripada mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan meskipun dia tidak memegang Sijil Peguam Syari'e.

Di Melaka,⁴⁴ suatu Jawatankuasa Peguam Syari'e ditubuhkan. Jawatankuasa ini diberi kuasa membenarkan sesiapa yang layak melalui permohonan untuk menjadi Peguam Syari'e. Sijil Peguam Syari'e dan Sijil Amalan Tahunan dikeluarkan bagi mereka yang layak yang membolehkan dia hadir dan menjadi wakil dalam mana-mana Mahkamah bagi mana-mana pihak dalam sesuatu perbicaraan.

Di Sarawak,⁴⁵ Ketua Hakim Syari'e diberi kuasa untuk menerima pengamal Peguam Syari'e yang dinilai mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak. Ketua Hakim Syari'e juga boleh membuat sebarang prosedur, kelayakan, mengawal selia dan mengawasi kelakuan Peguam Syari'e.

Di Kelantan,⁴⁶ Kadi Besar mempunyai kuasa membenarkan mana-mana orang yang layak untuk menjadi Peguam Syari'e di kalangan mereka yang memiliki ijazah dalam jurusan Perundangan Islam dari mana-mana pusat pengajian tinggi yang diiktiraf kerajaan, atau seseorang yang pernah berkhidmat sebagai Kadi bagi sesuatu tempoh tidak kurang daripada 10 tahun.

Pengamal-pengamal hendaklah memiliki sijil yang dikeluarkan dan ditandatangani Kadi Besar pada tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun Mahkamah boleh membenarkan pegawai-pegawai kerajaan atas sifat jawatannya mewakili mana-mana pihak dalam perbicaraan. Sultan atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh secara bertulis melantik mana-mana orang yang layak menjadi Peguambela untuk membela atau merayu bagi pihak orang miskin dalam mana-mana perbicaraan. Bayaran yang lazimnya dikenakan Mahkamah hendaklah dikecualikan.

Di dalam Enakmen Terengganu,⁴⁷ yang dimaksudkan "Peguam Syari'e" iaitu seorang peguambela atau peguamcara yang beragama Islam dan layak serta berkemahiran dalam perkara-perkara berhubung Hukum Syarak, boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan diperakui oleh sebuah penal yang dilantik Majlis, sama ada setelah lulus sebarang ujian yang diadakan oleh Penal itu atau tanpa dikehendaki menjalani sebarang ujian, sebagai seorang yang layak menjadi Peguam Syari'e. Peguam Syari'e hendaklah memiliki sijil bertulis (dikeluarkan Majlis pada tiap-tiap tahun) dan ditandatangani oleh Yang Di Pertua.

Di Johor,⁴⁸ beberapa peraturan khusus telah diperkenalkan dinamai sebagai Kaedah-kaedah Peguam Syari'e 1982,⁴⁹ yang meliputi soal perlantikan, kelayakan dan beberapa tatacara sebagai Peguam Syari'e. Suatu Jawatankuasa Kelayakan telah ditubuhkan yang terdiri daripada Kadi Besar (Pengerusi), Penasihat Undang-undang

Negeri dan tiga orang ahli yang dilantik oleh Majlis. Jawatankuasa ini berfungsi untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Peguam Syari'e meliputi penyediaan sukatan pelajaran, pemeriksa soalan, jawapan dan penganugerahan Sijil Peguam Syari'e. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa untuk menerima masuk mereka yang berkeelayakan sebagai Peguam Syari'e di samping menjalankan sebarang fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Majlis.

Negeri-negeri lain⁵⁰ juga telah mengambil langkah untuk membuat beberapa kaedah atau peraturan Peguam Syari'e, semata-mata untuk menjadikan institusi kehakiman Syari'e bersifat matang dan profesional.

Nota Kaki

1. Lihat misalnya, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, Terengganu [Bil.12/1986], s.29(1); Ordinan Mahkamah Syariah, Sarawak [No.4/1991], s.5(1-3); Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan [No.1/1991], s.36; Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam, Selangor [No.2/1989], s.37; Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, Melaka (Pindaan) [No.9/1991], s.8(1); Enakmen Mahkamah Syariah, Kedah [Bil.1/1983], s.17(1).
2. Melainkan di negeri Kelantan, terdapat empat Mahkamah iaitu Mahkamah Rayuan Syari'iyah, Mahkamah Kadi Besar, Mahkamah-mahkamah Kadi Khas dan Mahkamah Kadi Jajahan. Rujuk Enakmen Mahkamah Syari'iyah, Kelantan [No.3/1982], s.8(1).
3. Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], ss.100(1)(2).
4. Enakmen Selangor [No.2/1989], s.85(1)(2).
5. Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.25 (1)(2)(3).
6. Enakmen Melaka (Pindaan) [No.9/1991], s.9.
7. Rujuk artikel Tan Sri Datuk Prof. Ahmad Ibrahim (1989), "The Amendment to Article 121 of the Federal Constitution: Its Effect on Administration of Islamic Law", *Syariah Law Journal*, Vol.5, Dec. hh.155-64.
8. Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], ss.37(1-2) dan 39(1); Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.6(1) dan 8(1); Enakmen Selangor [No.2/1989], ss.38(1) dan 40(1); Enakmen Melaka (Pindaan) [No.9/1991], s.4; Di Terengganu, jawatan yang diperuntukkan ialah Pengerusi Mahkamah Apil Syariah; Kadi Besar dan Timbalan Kadi Besar; dan Kadi-kadi bagi kawasan-kawasan yang ditetapkan. Rujuk, Enakmen Terengganu [Bil.12/1986], s.28(1).
9. Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.7(1); Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.38(1); Enakmen Selangor [No.2/1989], s.39(1).
10. Rujuk Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.38(3)(4); Enakmen Selangor [No.2/1989], s.39(3)(4) dan Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.7(3)(4).
11. Enakmen Melaka (Pindaan) [No.9/1991], s.5.
12. Rujuk Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, Sabah [No.15/1977], s.45(1) dan Enakmen Sarawak [No.4/1991], s.7(3)
13. Sesetengah negeri telah membuat enakmen yang berasingan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dianggap jenayah misalnya, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, Sarawak [No.6/1991], ss.1-42; Enakmen Kanun Jenayah Syariah, Kelantan [No.2/1985], ss.1-34; Enakmen Kanun Jenayah Syariah, Kedah [Bil.9/1988], ss.1-37.

14. Rujuk Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.11(2)(a); Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.42(1)(a); Enakmen Selangor [No.2/1989], s.43(2)(a) memperuntukkan maksimum hukuman tidak melebihi dua ribu ringgit; Enakmen Kelantan [No.3/1982], s.10(1) memperuntukkan maksimum hukuman yang ditetapkan kepada Mahkamah Kadi Khas ialah tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi setahun, dan (s.11(1)) memperuntukkan Mahkamah Kadi Jajahan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.
15. Pemakaian Akta Mahkamah Syariah (bidang kuasa jenayah) ini telah diperluaskan ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989 [Akta A730].
16. Ordinan Sarawak [No.6/1991], s.10.
17. Enakmen Kedah [Bil.9/1988], s.11.
18. Enakmen Kelantan [No.2/1985], s.11.
19. Rujuk Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.11(2)(b); Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.42(2)(b), dan Enakmen Kelantan [No.3/1982], s.10(2) (Mahkamah Kadi Khas) dibenarkan mendengar dan memutuskan dalam mana nilainya tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan s.11(2) (Mahkamah Kadi Jajahan) dibenarkan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit; Enakmen Selangor [No.2/1989], s.43(2)(b) memperuntukkan tidak melebihi seratus ribu ringgit.
20. Lihat Enakmen Selangor [No.2/1989], s.43(3); Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.42(3); Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.11(3).
21. Rujuk seperti Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.14; Enakmen Selangor [No.2/1989], s.46; Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.45; Enakmen Kedah [No.1/1983], s.22(1-3) dan Enakmen Kelantan [No.3/1982], s.14(1)(2).
22. Rujuk Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.12(2); Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.43(2); Enakmen Terengganu [Bil.12/1986], s.32(c) dan Enakmen Selangor [No.2/1989], s.44(2).
23. Rujuk Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.16(1); Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.47(1); Enakmen Terengganu [Bil.12/1986], s.35(1); Enakmen Kelantan [No.3/1982], s.12(4) dan Enakmen Selangor [No.2/1989], s.48(1).
24. Rujuk Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(2)(3)(5).
25. Enakmen Kelantan [No.3/1982], ss.7(d).
26. Enakmen Terengganu [No.12/1986], s.30.
27. Enakmen Selangor [No.2/1989], s.41(1).

28. Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.9.
29. Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.40.
30. Enakmen Melaka (Pindaan) [No.9/1991], s.9(a-b).
31. Enakmen Mahkamah Syariah Kedah, [No.1/1983], s.7(1).
32. Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.22(3).
33. Enakmen Selangor [No.2/1989], s.54(3).
34. Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.3.
35. Enakmen Melaka [No.6/1985], s.7(1)(c) dan 18.
36. Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.22(4).
37. Enakmen Kelantan [No.3/1982], s.7(b).
38. Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.53(4).
39. Enakmen Selangor [No.2/1989], s.54(4).
40. Enakmen Selangor [No.2/1989], s.55(1-4).
41. Enakmen Negeri Sembilan [No.1/1991], s.54(1-5).
42. Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu, Pahang (Pindaan) [No.2/89], s.236(1-2).
43. Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166].
44. Enakmen Melaka (Pindaan) [No.9/1991], s.8.
45. Ordinan Sarawak [No.4/1991], s.23(1-3).
46. Enakmen Kelantan [No.3/1982], s.18(1-6).
47. Enakmen Terengganu [Bil.12/1986], s.66(1-4).
48. Rujuk Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Johor [Bil.14/1978], s.68(1-3).
49. Diterbitkan dalam Warta Kerajaan Johor sebagai J.P.U. 1 bertarikh 19hb. Januari, 1984. Kaedah ini mengandungi 24 seksyen.
50. Misalnya, Peraturan-peraturan Peguam Syari'e, Kedah (1988); Kaedah-kaedah Peguam Syariah, Pahang (1990); Kaedah-kaedah Peguam Syari'e, Terengganu (1987).